



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 MEI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SURAT SEKURITI MAKANAN : BEBERAPA SARANAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN, MALAYSIA KINI, ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN MALAYSIA (MAFI)
2.	PASAR TANI AMPANGAN DITUTUP, SH, NEGERI SEMBILAN-28	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	KONGSI MODAL USAHAKAN TANAMAN CILI, UM, DALAM NEGERI - 32	LAIN- LAIN
4.	BANJIR : PESAWAH RUGI RM120,000, UM, DALAM NEGERI-29	
5.	MUDARAT RACUN PEROSAK BERLEBIHAN, SH, ONLINE	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.05.2021	MALAYSIA KINI	ONLINE	

SURAT | SEKURITI MAKANAN: BEBERAPA SARANAN UNTUK KEMENTERIAN PERTANIAN



Semasa mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2000, Ahli Parlimen Parit Buntar ketika itu, Hasan Mohd Ali melahirkan rasa kecewanya kerana perkataan 'pertanian' disebut sekali sahaja ketika pembentangan.

Ketika menyuarakan kekecewaan itu ketika perbahasan pada 2 Mac 2000, dia berkata bimbang sector pertanian di Malaysia akan terus dibelakangkan dan mempersoal apakah sebenarnya gambaran besar masa depan pertanian negara, dan bilakah kita akan dapat keluar daripada ketidakmampuan sektor pertanian dalam menyumbang kepada pembangunan negara.

Dalam temu bual bersama The Edge pada November 2019, tokoh yang membentangkan belanjawan itu, Daim Zainuddin mengaku Malaysia telah lama meminggirkan sektor pertanian. "Kita belum menghadapi krisis makanan lagi tetapi perlu bertindak cepat bagi mengatasinya," tegas Daim ketika itu.

Dia turut mengingatkan agar pandangan petani di lapangan dan pihak yang terlibat dalam pertanian didengari dan meminta kerajaan supaya menanggapi isu-isu berkaitan sekuriti makanan secara serius sekiranya mahu negara berkembang dalam bidang ekonomi. Sekuriti makanan merujuk kepada kewujudan bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehinya. Menurut Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FOA), sekuriti makanan wujud apabila semua manusia pada bila-bila masa memperoleh makanan berkhasiat secara mencukupi.

Kajian menunjukkan kalau tiga hari sahaja negara tidak kecukupan makanan ia akan jadi huru-hara dan kacau bilau. Negara yang tidak dapat memenuhi keperluan makanan populasinya dianggap 'lemah'.

Statistik Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) menunjukkan berlaku pertambahan jumlah import makanan saban tahun dengan RM224.7 bilion direkodkan untuk tempoh lima tahun dari 2013 hingga 2017, iaitu meningkat pada kadar 7.2 peratus setahun: RM38.8 bilion pada tahun 2013 kepada RM51.3 bilion pada 2017.

Malaysia mengimport makanan daripada 120 negara. Wabak Covid-19 yang sedang melanda dunia memaksa semua pihak mencari jalan mengatasi pelbagai cabaran yang sedang dan bakal dihadapi oleh rakyat dan negara.

Dalam apa keadaan pun, manusia tetap memerlukan makanan untuk hidup. Mafi tidak boleh lagi beroperasi seperti biasa. Antara tindakan segera yang wajar diambil adalah mencari kaedah dan strategi terbaik untuk mentransformasi perjalanan Pejabat Pertanian Daerah, Veterinar, Perikanan dan Pejabat Peladang Kawasan dan agensi berkaitan lain di seluruh negara.

Di daerah, pegawai-pegawai Mafi berhubung dengan semua lapisan masyarakat: petani, penternak, nelayan, agropreneur muda, orang kampung, pengusaha dusun buah-buahan, pengedar hasil, pengeksport, pengimport, orang tengah atau siapa sahaja yang terlibat dalam hal-hal yang berkaitan pertanian.

Sudah bertahun-tahun petani mengadu hasil mereka dibeli dengan harga rendah oleh orang tengah, biji benih dan subsidi baja tidak diedarkan mengikut jadual, isu kekerapan pegawai pertanian daerah atau agensi turun padang, kualiti nasihat dan bimbingan yang diberikan dan cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam menghasilkan makanan.

Pegawai-pegawai daerah agensi Mafi juga menghadapi pelbagai kekangan dan rintangan dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab. Mafi hendaklah dengan segera melaksanakan revolusi minda dalam kalangan pegawai-pegawai pertanian peringkat daerah. Mereka memerlukan pendedahan kaedah bertindak mengikut situasi dan budaya setempat. Mereka juga perlu dibantu menggunakan pelbagai alat pemikiran aras tinggi menghadapi petani, penternak dan nelayan dalam menyelesaikan masalah-masalah mereka.

Dengan kata lain, kaedah baru perlu difikirkan untuk membantu mereka bertindak dengan cekap menghadapi sebarang cabaran, permasalahan dan krisis yang mengganggu pengeluaran makanan negara. Pejabat agensi Mafi di peringkat daerah perlu ditransformasi dan diperkasakan sebab di sinilah medan pengeluaran makanan negara oleh petani, penternak dan nelayan.

Saya mencadangkan ketua pejabat pertanian peringkat daerah diterajui oleh pegawai berprestasi tinggi yang terpilih melalui saringan ketat dan temu duga dengan gred yang lebih tinggi daripada sekarang. Perubahan ini tidak dapat dielakkan sebab negara bergantung kepada keberhasilan daerah untuk menjamin sekuriti makanan negara.



CONTOHI KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Oleh itu, Mafi disaran menggunakan model Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang digunapakai oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pada tiga tahun pertama PPPM tumpuan lebih banyak diberikan kepada peranan Jabatan Pendidikan Daerah (PPD) dalam meningkatkan kualiti guru sekolah melalui latihan-latihan berterusan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran berkesan kepada murid.

Selain itu, PPD bertindak memantapkan kepimpinan dan pengurusan pengetua dan guru besar sesuai dengan tuntutan abad ke-21. Selain itu, satu aspek lagi yang dicadangkan diadaptasi daripada Kementerian Pendidikan ialah menjalankan

pemeriksaan penuh atau audit forensik di pejabat-pejabat daerah Mafi.

Pemeriksaan disyorkan diketuai oleh pengarah negeri agensi berkaitan dengan anggota pasukan terdiri daripada pegawai-pegawai negeri dan daripada ibu pejabat kementerian.

Sungguhpun Mafi mempunyai kaedah tersendiri dalam mengesan pelaksanaan mutu perkhidmatan pegawai-pegawainya, tetapi saya ingin menyarankan agar maklumat diperoleh melalui kaedah pemeriksaan penuh seperti yang dijalankan di sekolah-sekolah oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK).

Di samping menjalankan pemeriksaan biasa mata pelajaran dan lain-lain pemeriksaan bertema di sekolah sepanjang tahun, JNJK turut melaksanakan pemeriksaan penuh di dua buah sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah terpilih di setiap negeri setahun sekali.

Pemeriksaan ini akan melibatkan di antara 15 hingga 23 nazir sekolah yang akan 'berkampung' selama lima hari diketuai oleh Ketua Nazir Negeri. Semua aspek akan dinilai sama ada keberkesanan kepimpinan pengetua dan guru besar, guru penolong kanan, ketua bidang atau ketua panitia, penaziran mata pelajaran, kantin, keselamatan, kewangan dan lain-lain.

Pemeriksaan dilaksanakan antaranya berpandukan instrumen khas yang dikenali Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKPM). Tujuan pemeriksaan ini untuk membolehkan Kementerian Pendidikan mengetahui standard pengajaran dan pembelajaran tahunan guru-murid serta lain-lain aspek di sekolah-sekolah Malaysia.

Dapatan pemeriksaan penuh oleh JNJK dilaporkan kepada Menteri Pendidikan secara bersemuka. Selain itu, dapatan itu akan dibincangkan pada peringkat Jabatan Pendidikan Negeri dan PPD untuk membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan berterusan atau serta merta dilaksanakan di sekolah seluruh negara.

Jelaslah, dengan meneliti dan mengubah suai model transformasi daerah berasaskan PPPM dan kaedah Pemeriksaan Penuh JNJK, Mafi mampu memperoleh keberhasilan luar biasa dalam pengeluaran makanan negara.

Pasar Tani Ampangan ditutup

SEREMBAN - Pasar Tani Ampangan di sini diarah tutup sementara bagi mengelakkan penularan Covid-19.

Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan, Asmizal Jaafar berkata, penutupan itu atas nasihat Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selepas terdapat kes positif Covid-19.

“Pengoperasian semula pasar tani dijadualkan pada 25 Mei depan namun tertakluk kepada arahan KKM dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Terdapat 20 buah pasar tani di seluruh negeri dan ini kali pertama pasar tani diarahkan tutup sejak kita buka secara berperingkat Jun tahun lalu,” katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Menurutnya, pihaknya sentiasa memastikan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi oleh semua peniaga dan turut mendapat kerjasama daripada PBT, polis dan Rela bagi melakukan pemantauan.

Bagi tujuan keselamatan, kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dan warga emas turut tidak dibenarkan masuk ke kawasan pasar tani.

Kongsi modal usahakan tanaman cili

JERANTUT: Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik Covid-19 bukan alasan membandingkan usaha mencari rezeki asalkan kita rajin 'mencongak' peluang tertentu.

Bagi dua orang rakan yang tinggal berjiran, Mohd. Simin Abdullah, 55, dan Mohd. Fatmahisyam Abdul Rahman, 39, mereka mempunyai cara tersendiri menguruskan tanaman menguruskan kebajikan keluarga apabila mengusahakan tanaman cili menerusi kaedah fertigasi di Felda Kota Gelanggi Dua di sini.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Mohd. Simin berkata, kawasan tanah terbiar seluas hampir 300 meter persegi berdekatan rumah kakitangan Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Kota Gelanggi Dua dimanfaatkan untuk tanaman cili yang mula usahakan sejak Disember tahun lalu.

Menurutnya yang meru-



MOHD. SIMIN ABDULLAH menunjukkan pokok cili mengeluarkan hasil yang besar dan matang untuk pasaran di Felda Kota Gelanggi Dua di Jerantut, Pahang. - **UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD**

pakan kakitangan kebersihan kat mengusahakan tanaman sekolah itu, dia dan rakan-itu memandangkan tekanan nya yang juga seorang guru perbelanjaan keluarga dan dan tinggal berjiran sepa tanggungannya persekolahan,

lebih-lebih lagi masih dalam penularan Covid-19 selain terkesan dengan musim pejur awal tahun ini.

"Kami berkongsi modal permulaan sebanyak RM1,500 untuk berbelanja benih, polibeg, baja, racun kawalan serangga, tanah hitam dan peralatan pertanian bagi tujuan berkenaan.

"Tanpa sebarang kemahiran tentang pengurusan tanaman cili ini dengan hanya melihath usaha serta mempelajari menerusi pengalaman rakan petani di tempat lain, kami bertekad merintis tanaman ini," katanya di Felda Kota Gelanggi Dua di sini semalam.

Menurut Mohd. Simin, setelah hampir sebulan, sebanyak 200 batang pokok cili mula membesar dan hidup subur menambahkan semangat mereka menjaga tanaman itu seperti kawalan air dan nutrien secukupnya serta ancaman daripada serangga pada setiap hari.

Banjir: Pesawah rugi RM120,000

Oleh AMIRAN MULLIP
utusannews@medianusa.com.my

MELAKA: Seramai 35 pesawah di Paya Luboh dekat sini kerugian hampir RM120,000 selepas kawasan sawah seluas 52 hektar ditenggelami banjir ekoran hujan lebat melanda beberapa daerah di negeri ini sejak kelmarin.

Ketua Unit Peladang, Paya Luboh, Zahedan Udiniah Bahari berkata, hampir seluruh kawasan sawah di situ digenangi air hingga menenggelamkan anak padi yang ditanam sebelum Ramadan.

Beliau berkata, ini kali kedua sawah mereka dilanda banjir dalam tempoh lima bulan.

"Banjir kali ini paling teruk. Air melimpah hingga ke tengah jalan dan semua sawah yang diusahakan tenggelam.

"Pesawah pula baru menanam padi, ada yang tidak sampai sebulan dan ada sudah sebulan lebih. Habis musnah semua anak padi yang baru ditanam," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zahedan berkata, malang bertimpa buat semua pesawah padi Paya Luboh yang mengalami kerugian dua kali dalam tempoh

lima bulan.

Beliau mengakui, petani kini mula hilang arah untuk penanaman semula dengan memikikan kos pembajakan dan benih.

Jelasnya, ia melibatkan perbelanjaan tinggi dan segala kerugian itu terpaksa ditanggung seratus peratus oleh mereka.

"Bayangkan harga kos membajak adalah sebanyak RM160 bagi seekar (0.4 hektar). Dalam keadaan ekonomi negara yang tidak stabil dan peningkatan penularan pandemik Covid-19, susah pesawah untuk mencari modal," ujarnya.

Kawasan tersebut sering dilanda banjir dipercayai kerana limpahan air dari Sungai Udang melalui sawah di Paya Luboh.

Sementara itu, satu lagi pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah Jasin menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak sembilan PPS yang aktif menempatkan 669 mangsa banjir di negeri ini.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri, Letenan Kolonel Cuthbert John Martin Quadra berkata, setakat pukul 4 petang semalam, berlaku peningkatan seramai 50

mangsa berbanding hanya 619 orang pagi semalam.

Beliau berkata, ini menjadikan terdapat enam PPS di Melaka Tengah, dua di Jasin dan satu di Alor Gajah.

Hujan lebat yang melanda Melaka kelmarin dan awal pagi semalam menyebabkan banjir kilat di beberapa buah kawasan.

Antara kawasan yang terjejas teruk adalah Sungai Putat, Taman Bukit Beruang Utama, Taman Bukit Beruang Bestari, Taman Rambai Jaya, Taman Rambai Utama dan Taman Rambai Indah.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19.05.2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

MUDARAT RACUN PEROSAK BERLEBIHAN



SEKTOR pertanian memainkan peranan penting terhadap ekonomi Malaysia melalui sumbangannya kepada pendapatan negara, perolehan eksport, peluang pekerjaan serta mewujudkan keberdikarian bekalan makanan negara. Namun, antara isu yang menjadi perhatian dalam sektor ini ialah penggunaan berlebihan dan tanpa kawalan racun makhluk perosak (RMP). RMP adalah bahan yang digunakan untuk mengawal, mencegah dan memusnahkan makhluk perosak yang menjejaskan pendapatan petani.

Racun perosak terdiri daripada racun rumpai, racun kulat, racun serangga dan racun bakteria. Mengikut Konvensyen Stockholm Mengenai Pencemar Organik Berterusan, sembilan daripada 12 bahan kimia organik yang berbahaya dan bersifat kekal ialah racun perosak Paraquat dan Malathion.

Dua jenis racun tersebut adalah antara RMP yang menjadi pilihan petani kerana memberi kesan yang cepat

berbanding penggunaan racun organik. Namun ia membawa pelbagai kesan negatif seperti kesan keracunan makanan kepada manusia, komplikasi kepada kulit, saraf dan sistem badan manusia, selain memudaratkan alam sekitar dengan mencemari sumber air bersih dan udara. Muntah, perut memulas dan cirit birit adalah simptom yang biasa bagi keracunan RMP.

Penggunaan RMP yang tidak selamat dari segi kaedah dan pengendalian, kepekatan dos, kekerapan dan masa semburan akan meninggalkan residu racun perosak kepada hasil tanaman dan persekitaran, selain mengancam kesihatan petani dan pengguna. Setiap tahun di seluruh dunia, dianggarkan seramai 25 juta orang mengalami keracunan racun perosak. Ancaman residu RMP bukan sahaja bergantung pada kualiti dan spesifikasi racun perosak tetapi juga pengetahuan petani mengenai sisa-sisa RMP dan sikap pengguna.

RMP menjejaskan kesihatan manusia melalui kesan akut, kronik atau kedua-duanya sekali bergantung kepada jenis racun yang digunakan. Sesetengah RMP mungkin berkarsinogen, boleh menjejaskan sistem endokrin atau hormon dalam tubuh, manakala yang lain mungkin menyebabkan kerengsaan kulit dan mata. Laluan paling biasa untuk keracunan RMP ialah penyerapan melalui kulit. Penyerapan ke dalam kulit boleh berlaku akibat daripada percikan atau tumpahan ketika petani mengendalikan racun.

Kawalan biologi

Kajian penggunaan racun perosak berklorin dalam kalangan petani yang berusia lebih daripada 50 tahun dan penggunaan racun perosak yang mengandungi metil bromida dikaitkan dengan risiko kanser prostat. Sesetengah RMP menyebabkan masalah kesuburan iaitu hormon pembiakan mengeluarkan sperma pada jumlah yang kurang atau menyebabkan kemandulan kaum lelaki atau wanita.

Kesan paling membimbangkan ialah ia boleh meresap ke dalam janin dan kanak-kanak menyebabkan keracunan RMP. Kajian juga menunjukkan perkaitan antara pendedahan racun perosak terhadap golongan ibu dan kecacatan pada bayi, khususnya jika pendedahan terjadi dalam tempoh tiga bulan pertama kandungan. Tahap penggunaan RMP dalam kalangan petani di Malaysia masih tinggi. Malah, beberapa RMP yang tidak dibenarkan penggunaannya boleh didapati secara komersial terutama yang dibawa masuk dari negara jiran.

Petani turut disaran melaksanakan Amalan Pertanian Baik (GAP) seperti menggunakan kaedah kawalan biologi bagi menggantikan penggunaan RMP secara berlebihan. Agen Kawalan Biologi (AKB) adalah satu kaedah lestari bagi pengawalan serangga perosak untuk tanaman sayur-sayuran. Ia terbukti berkesan mengawal serangan serangga perosak.

AKB yang dibiakkan di makmal seperti 'tiger fly' berkesan mengawal ulat pelombong daun (leafminer) yang menyerang sayuran berdaun. AKB juga berupaya menjamin kualiti serta keselamatan makanan selain mengurangkan kos pengeluaran dan pencemaran alam sekitar. Kaedah itu mampu menjimatkan kos sebanyak RM2,000 semusim.